

Pelan kemalangan diri komprehensif untuk anda dan keluarga anda

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 202601015674 (735426-V)
 Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kelangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia
 Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Perlindungan yang menyeluruh

Kemalangan berlaku pada waktu yang tidak dijangka. Bak kata pepatah, malang tidak berbau. Kehilangan sumber pendapatan dan kenaikan bil rawatan akibat kecederaan yang serius disebabkan kemalangan boleh menjadi beban kewangan kepada orang yang tersayang lebih-lebih lagi jika berlaku kematian. Tambahan pula, tekanan kehidupan boleh menyebabkan kita alpa mengenai kepentingan untuk menikmati dan menghargai setiap detik kehidupan kita.

Dengan penambahbaikan perlindungan **Allianz Shield Plus**, anda boleh menjalani kehidupan dengan tenang.

Mengapa Allianz Shield Plus?



Perlindungan Komprehensif
 Bersedia menghadapi ketidakpastian dalam kehidupan dengan pelan kemalangan diri yang komprehensif, bersama manfaat tambahan yang sesuai dengan keperluan anda.



Bonus Pembaharuan Pantas
 Nikmati kenaikan sehingga *20% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan semasa pembaharuan polisi tahunan.

*Tertakluk pada terma dan syarat.

Pegawai penguatkuasa undang-undang tidak termasuk tentera

Bomba

Pelumba kereta

Pekerjaan yang dilindungi:

Pekerja pelantar minyak

Orang yang terlibat dalam perobahan bangunan

Polis

Jadual manfaat

Pekerjaan dalam keadaan berbahaya, pekerjaan buruh kasar dan menggunakan peralatan atau mesin.

Manfaat	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)	
	Pelan 1	Pelan 2
Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan untuk Kematian & Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan (sehingga)	60,000	120,000
Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	3,500	4,500
Perubatan Alternatif (sehingga)	350	400
Pemindahan Darah	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan	
Pembedahan Gigi dan/atau pembedahan Pembaikan Kosmetik (sehingga)	5,000	
Pendapatan Hospital (setiap hari/maks. 180 hari)	85	
Bonus Pembaharuan	sehingga 100% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan	
Impotensi atau Infertiliti Kekal	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan	
Penculikan	10,000 untuk perbelanjaan dan 50,000 bagi ganjaran	
Bayaran Ambulans (sehingga)	500	
Perbelanjaan Pengebumian	5,000	
Elauan Perkabungan	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan	
Liabiliti Peribadi (sehingga)	Tiga kali ganda daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan	
Perbelanjaan Mobiliti (sehingga)	2,000	
Perbelanjaan Repatriasi (sehingga)	20,000	
Keguguran (akibat kemalangan)	2,000	
Perlindungan Ehsan (sehingga)	20,000	
Ragut atau Percubaan Meragut	600	
Tanggung Rugi Berganda (semasa menggunakan pengangkutan awam atau melancong ke luar negara)	Dua kali Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan termasuk Bonus Pembaharuan	
Premium Tahunan (RM)		
Umur 50 tahun dan ke bawah	336	546
Umur 51 tahun sehingga 80 tahun	503	818

Nota:
 1. Umur Kelayakan: Dari tiga puluh (30) hari hingga enam puluh lima (65) tahun. Boleh diperbaharui sehingga umur lapan puluh (80) tahun.
 2. Premium tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem RM10 perlu dibayar pada Kontrak Insurans.
 3. Amaan Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin bertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

KLIK DI SINI Untuk tawaran individu, hanya klik butang untuk mengisi butiran anda!

Penerangan manfaat

Allianz Shield Plus direka untuk memberi anda dan insan yang tersayang sembilan belas (19) manfaat utama sekiranya perkara yang tidak diduga berlaku.

Kematian atau Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan
 Pembayaran Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan. Skata Pampasan Hilang Upaya Kekal diperincikan dalam jadual di bawah.

Diskripsi Kehilangan	% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan
Hilang kedua-dua tangan atau kesemua jari, atau kedua-dua ibu jari	100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlarat kekal di kati	100%
Hilang empat jari dan ibu jari di sebelah tangan	50%
Hilang empat jari	40%

Untuk maklumat terperinci mengenai Skala Pampasan Hilang Upaya Kekal, anda boleh merujuk kepada Polisi yang terdapat di laman web korporat kami.

Perbelanjaan Perubatan (termasuk Kemasukan dan Keluar Hospital Tanpa Tunai)
 Jaminan Kemasukan Hospital (sehingga RM2,500) di mana-mana hospital di Malaysia dan di dalam negara-negara Asia Pasifik jika penghospitalan tersebut diperlukan akibat kemalangan.

Negara-negara Asia Pasifik: Australia, Bangladesh, Brunei, Kemboja, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Myanmar, Nepal, New Zealand, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

Perubatan Alternatif
 Pembayaran balik kos untuk rawatan perubatan alternatif yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat kemalangan.

Pemindahan Darah
 Pembayaran sebanyak 20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan jika Orang Yang Diinsuranskan dijangkiti Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) akibat pemindahan darah ketika menjalani rawatan perubatan bagi kecederaan di hospital dalam Malaysia. Manfaat ini hanya akan dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan didiagnosis positif dengan Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pemindahan darah.

Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik
 Syarikat akan membayar perbelanjaan berkenaan dengan pembetulan gigi dan/atau pembedahan pembaikan kosmetik pada bahagian leher, kepala atau dada (pusat dan ke atas) berikutan kecederaan yang dialami akibat kemalangan.

Pendapatan Hospital
 Manfaat harian akan dibayar selama tempoh penghospitalan akibat kemalangan, sehingga maksima seratus lapan puluh (180) hari.
 Manfaat ini akan bermula sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dirawat di hospital lebih daripada dua belas (12) jam disebabkan oleh kemalangan.

Bonus Pembaharuan
 Semasa pembaharuan Polisi, Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan dinaikkan:
 (a) sebanyak dua puluh peratus (20%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk Orang Yang Diinsuranskan yang berumur di antara tiga puluh (30) hari hingga empat puluh (40) tahun; atau
 (b) sebanyak sepuluh peratus (10%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk Orang Yang Diinsuranskan yang berumur empat puluh (41) tahun dan ke atas;

tampa mengira sebarang tuntutan yang dibuat dibawah Perbelanjaan Perubatan, Pemindahan Darah, Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik, Manfaat Mingguan, Pendapatan Hospital, Penculikan, Bayaran Ambulans dan Liabiliti Peribadi.
 Bonus Pembaharuan akan bermula semula jika mana-mana tuntutan dibuat di bawah manfaat Hilang Upaya Kekal, Tanggung Rugi Berganda dan Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor.

Impotensi atau Infertiliti Kekal
 Pembayaran sebanyak 20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami impotensi dan infertiliti kekal disebabkan oleh kemalangan.

Penculikan
 Pembayaran sekali gus sebanyak RM10,000 untuk perbelanjaan yang diperlukan untuk mencari Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat juga menyediakan ganjaran RM50,000 untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat bahawa Orang Yang Diinsuranskan masih hidup pada masa penemuan. Selepas setahun dari tarikh laporan kejadian penculikan, kehilangan tersebut akan dianggap sebagai tuntutan kematian.

Bayaran Ambulans
 Pembayaran balik caj yang dikenakan untuk keperluan perkhidmatan ambulans di Malaysia disebabkan oleh kemalangan.

Perbelanjaan Pengebumian
 Pembayaran sekali gus amanat untuk perbelanjaan pengebumian sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan.

Elauan Perkabungan
 Pembayaran sebanyak 20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian yang disebabkan oleh denggi, virus zika, malaria, Japanese encephalitis atau chikungunya selepas mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh Syarikat.

Liabiliti Peribadi
 Syarikat akan menanggung Orang Yang Diinsuranskan untuk semua bayaran yang perlu dibayar kepada pihak ketiga sekiranya berlaku kecederaan anggota badan atau kerosakan harta benda pihak ketiga tersebut akibat kemalangan. Had wilayah bagi manfaat ini hanya di dalam Malaysia sahaja.

Perbelanjaan Mobiliti
 Jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami hilang upaya kekal akibat kemalangan, Syarikat akan membayar balik kos pembelian peralatan perubatan hingga had yang ditetapkan dalam Jadual dengan syarat bahawa pembelian peralatan perubatan adalah perlu untuk membantu mobiliti Orang Yang Diinsuranskan dan disyorkan oleh Pengamal Perubatan yang merawat.

Perbelanjaan Repatriasi
 Syarikat akan membayar balik amanat sebenar yang dikenakan, sehingga amanat yang dinyatakan di dalam Jadual bagi membawa pulang jenazah Orang Yang Diinsuranskan ke negara asalnya sekiranya kematian disebabkan kemalangan semasa perjalanan di luar negara.

Keguguran akibat Kemalangan
 Pembayaran sebanyak RM2,000 untuk setiap kemalangan kepada Orang Yang Diinsuranskan sekiranya mengalami keguguran akibat kemalangan.

Perlindungan Ehsan
 (i) Pembayaran balik sehingga RM10,000 untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang munasabah yang ditanggung oleh satu (1) ahli keluarga yang menjaga dan/atau memenangi Orang Yang Diinsuranskan yang di bawah umur, semasa tempoh penghospitalan, yang berlaku disebabkan oleh kemalangan.
 (ii) Pembayaran sekali gus sebanyak RM10,000 sekiranya Orang Yang Diinsuranskan melahirkan bayi yang mempunyai kecacatan kelahiran disebabkan oleh virus zika yang disahkan oleh Pengamal Perubatan.

Ragut atau Percubaan Meragut
 Sekiranya berlaku Ragut atau Percubaan Meragut, Syarikat akan membayar pampasan sebanyak RM600 kepada Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat laporan polis telah dibuat. Laporan polis hendaklah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian Ragut atau Percubaan Meragut berlaku.

Tanggung Rugi Berganda
 Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami kematian, lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah atau hilang kegunaan kekal dua (2) atau lebih anggota tangan atau kaki akibat kemalangan yang berlaku semasa perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang perkhidmatan pengangkutan awam atau semasa perjalanan di luar negara, Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan yang dibayar di bawah manfaat kematian atau Hilang Upaya Kekal yang berkaitan bersama dengan Bonus Pembaharuan, jika ada, akan dibayar dua kali ganda.

Perlindungan yang diperluaskan

Kami memahami bahawa kehidupan ini tidak dapat diduga. Oleh itu, **Allianz Shield Plus** mengarak langkah ke hadapan dengan manfaat yang diperluaskan bagi memastikan perlindungan lebih terjamin untuk anda. Tertakluk pada terma, pengecualian, proviso dan syarat, perlindungan yang diperitukkan akan diperluaskan kepada keadaan yang berikut.

Risiko bermotosikal

Mogok, rusuhan dan kekecohan awam

Rampasan

Pembunuhan dan serangan yang tidak diprovokasi

Lemas akibat asap, way dan gas beracun

Memburu dan mendaki gunung (tanpa atau menggunakan bantuan tali atau pengendali)

Mabuk akibat dadah atau alkohol (di bawah had undang-undang)

Banjir, ribut dan gempa bumi

Keracunan makanan atau minuman

Sukan air

Aktiviti-aktiviti dalam Air/selam dalam (sehingga 50 meter)

Permainan polo dan permainan bungee

Sukan amatur (kecuali seni mempertahankan diri dan tinju)

Lemas atau hampir lemas yang tidak disengajakan

Sengatan serangga, patukan ulat dan gigitan binatang

Manfaat pilihan

Manfaat pilihan berikut boleh ditambah pada pelan **Allianz Shield Plus** anda dengan bayaran premium-tambahan untuk bersedia dalam segala keadaan yang optimum terhadap sebarang risiko-kehidupan yang boleh menganggu gaya hidup anda.

1 Manfaat Mingguan

Sekiranya Pengamal Perubatan mengesahkan anda tidak berupaya melakukan tugas sepenuhnya, anda akan dibayar sehingga lima puluh dua (52) minggu.

	Pelan 1	Pelan 2
Had setiap minggu (RM)	50	50
Premium Tahunan dengan Manfaat Mingguan (RM)		
Umur 50 tahun dan ke bawah	400	610
Umur 51 tahun sehingga 80 tahun	600	915

2 Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor

Manfaat ini beserta Bonus Pembaharuan, jika ada, akan dibayar dua kali ganda sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami kematian, lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah atau hilang kegunaan kekal dua (2) atau lebih anggota tangan atau kaki akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor, sama ada sebagai pejalan kaki, penumpang, pembonceng atau pemandu/penunggang.

	Pelan 1	Pelan 2
Premium Tambahan (RM)	18	36

Nota: Bagi manfaat ini, jika Tanggung Rugi Berganda Polisi ini juga akan dibayar, Orang Yang Diinsuranskan hanya layak untuk menuntut antara Tanggung Rugi Berganda atau Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor sahaja.

3 Program Bantuan Perubatan dan Pemindahan Antarabangsa dan Destistik 24 Jam

- Pemindahan perubatan;
- Repatriasi di bawah seliaan perubatan;
- Repatriasi jenazah (sehingga RM25,000 setiap peristiwa);
- Penziarahah oleh saudara mara (sehingga RM5,000 setiap peristiwa);
- Penghantaran balik kanak-kanak yang mengiringi Orang Yang Diinsuranskan (sehingga RM2,500 setiap peristiwa);
- Penghantaran ubat-ubatan yang tidak boleh didapati di kawasan setempat;
- Penghantaran pesanan kecemasan dan pengawasan perubatan;
- Rujukan perubatan dan pengurusan janji temu perubatan;
- Perundingan tele-perubatan dan penilaian keadaan Orang Yang Diinsuranskan;
- Penghantaran pesanan kecemasan;
- Rujukan perundangan;
- Rujukan jurubahasa/penterjemah;
- Keperluan visa, pasport dan inokulasi;
- Mengesan barang-barang yang hilang.

Pelan 1 & 2	Premium Tambahan (RM)
Sehingga RM2,000,000	RM15

Nota:
 1. Semua pemindahan dan/atau repatriasi perubatan akan sentiasa dibawah pengawasan rapi perubatan sehingga RM2,000,000 setiap orang bagi setiap peristiwa.
 2. Orang Yang Diinsuranskan hanya boleh mengemukakan perkhidmatan ini sewaktu berada di luar Malaysia.
 3. Sehingga USD1,000 jika Orang Yang Diinsuranskan berada di luar Malaysia dan sehingga RM1,000 jika dia berada di dalam Malaysia.

4 Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan

Manfaat	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
Perlindungan Peranti Pintar¹ Bayaran pampasan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan pada Peranti Pintar milik Orang Yang Diinsuranskan akibat pecah masuk atau Ragut atau Percubaan Meragut.	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
Perlindungan Belian Atas Talian² Bayaran pampasan untuk kerugian barangan yang dibeli dari laman web/ perbelanjaan talian yang tiada penghantaran barangan yang dibeli.	300	500	800	1,000	1,500
Indemniti Kad Kredit dan Pinjaman Syarikat akan membayar amanat yang perlu dibayar oleh Orang Yang Diinsuranskan untuk kad kredit, sewa beli, gadai janji atau pinjaman peribadi sekiranya dimasukkan ke hospital akibat kemalangan.	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
Kehilangan Peralatan Sukan³ Pampasan diberikan untuk kehilangan peralatan sukan milik Orang Yang Diinsuranskan akibat pecah masuk atau Ragut atau Percubaan Meragut.	500	1,000	1,500	2,000	2,500
Terlepas Acara Pembayaran balik tiket/bayaran pendaftaran/bayaran kemasukan kepada Orang Yang Diinsuranskan untuk konsert, filem, taman hiburan, taman tema atau acara sukan jika manfaat Pendapatan Hospital boleh dibayar di bawah Polisi.	300	350	400	450	500
Penjagaan Kejururawatan Pembayaran balik kos penjagaan kejururawatan yang ditanggung selepas keluar hospital akibat kemalangan.	500	1,000	2,000	3,000	4,000
Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup Pembayaran balik kos modifikasi rumah dan/atau kenderaan Orang Yang Diinsuranskan sekiranya manfaat hilang upaya kekal berbayar sebanyak 50% dan lebih.	5,000	10,000	20,000	25,000	30,000
Perbelanjaan Rehabilitasi Pembayaran balik kos rawatan dan rawatan perubatan yang ditanggung selepas keluar dari hospital sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan rehabilitasi akibat kemalangan.	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
Perkhidmatan Pengesanan Pembayaran balik kos perkhidmatan pembantu rumah selepas Orang Yang Diinsuranskan keluar dari hospital berikutan kemalangan.	300	350	400	450	500
Premium Tambahan (RM)	47	70	94	118	141

Nota:
 1. Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan sepanjang tempoh insurans.
 2. Rujuk pada Polisi untuk senarai penuh ciri-ciri dan terma-terma dan syarat-syarat.
 3. Sehingga USD1,000 jika Orang Yang Diinsuranskan berada di luar Malaysia dan sehingga RM1,000 jika dia berada di dalam Malaysia.

Nota penting

- Jika Orang Yang Diinsuranskan berada diluar daripada Malaysia selama lebih dari sembilan puluh (90) hari berturut-turut, hanya Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal akan dibayar. Syarat ini tidak terpakai bagi Manfaat Pemilihan - Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan dan Manfaat Gangguan Pembelajaran.
- Sekiranya anda memilih Pembaharuan Automatik (Premium Polisi Individu sahaja), tertakluk kepada terma dan syarat Polisi anda dan terma-terma yang perlu dibayar, Polisi anda akan diperbaharui pada setiap ulang tahun apabila tamat tempoh melainkan Polisi ini ditamatkan.
- Insurans Kemalangan Diri Allianz Shield Plus (ASP) melengkapi jurang yang tidak dilindungi oleh insurans perubatan dan hayat. Walaupun polisi perubatan standard melindungi penghospitalan, ASP secara khusus menawarkan sokongan kewangan bagi kecederaan, ketidakpuapan, dan perbelanjaan berkaitan yang berlaku akibat kemalangan yang mungkin tidak memerlukan penghospitalan. ASP juga menyediakan manfaat untuk rawatan alternatif (seperti akupunktur), pembetulan gigi, alat bantuan mobiliti, dan perlindungan terhadap kejadian ragut, yang mungkin tidak dilindungi oleh polisi perubatan standard..
- Anda tidak perlu risau, Polisi kami menawarkan perlindungan 24/7 seluruh dunia. Tuntutan akan dibayar walaupun jika anda mengalami kemalangan di luar negara. Anda berpeluang untuk membuat tuntutan bagi Manfaat Pemilihan - Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan atau membuat tuntutan bagi Manfaat Perbelanjaan Perubatan, Pendapatan Hospital, Ragut atau Percubaan Meragut, serta banyak manfaat lain.

Pengecualian

Peperangan, perang saudara, AIDS, tidak siaman, kelahiran, pembunuhan atau serangan akibat provokasi, aktiviti udara, seni pertahanan diri, perlumbaan, radiasi, bahan senjata nuklear.
 Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.
 Risalah ini adalah sah mulai 1 Mac 2024.
 Risalah ini bukan Kontrak Insurans. Penerangan untuk perlindungan yang diberi hanyalah ringkasan untuk rujukan segera dan mudah. Keterangan yang lebih lanjut terdapat di dalam Polisi.

Kendali tuntutan kemalangan anda dengan Allianz

Apa yang perlu dilakukan apabila anda mengalami kemalangan?

- Utamakan keselamatan anda**
 Jika kejadian yang tidak diingini berlaku, utamakan keselamatan anda dan cari rawatan perubatan segera jika diperlukan.
- Amil butiran**
 Serahkan dokumen-dokumen seperti:
 • Perincian ringkas mengenai kemalangan.
 • Bagi tuntutan kecederaan dan/atau hilang upaya, berikan laporan perubatan anda dan siji kuti perubatan (jika ada).
 • Bagi tuntutan kematian, kemukakan siji kematian dan laporan bedah siasat (jika ada).
 • Bagi kemalangan kenderaan bermotor, berikan lesen memandu anda (jika anda pemandu) dan laporan polis.
 *Nota penting: Maklumat yang diperlukan di atas hanya sebagai panduan dan kami berhak untuk meminta dokumen tambahan mengikut keperluan.
- Maklumkan kepada Allianz**
 • Muat turun aplikasi MyAllianz, daftar dan ikuti panduan untuk membuat tuntutan anda.
 • Hubungi agensi perkhidmatan anda untuk mendapatkan nasihat dan panduan.
 • Hubungi khidmat pelanggan Allianz di 1 800 225542 untuk mendapatkan bantuan.
- Jejaki perbelanjaan**
 Simpan semua resit asal bagi sebarang kos yang ditanggung. Ini akan membantu memudahkan proses tuntutan dan memastikan anda dibayar balik dengan sewajarnya.

Komitmen Allianz kepada Pelanggan kami:
 Tuntutan akan dibayar dalam tempoh 7 hari bekerja dari masa penerimaan notis tuntutan dan dokumen-dokumen yang lengkap daripada anda.

Hubungi kami untuk maklumat lanjut: